BAB V

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Bab ini merumus dan membincangkan keputusan yang telah dibentangkan dalam bab IV. Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (a) rumusan (b) perbincangan dan (c) cadangan-cadangan untuk kajian lanjut.

A. RUMUSAN

Kajian ini dijalan berasaskan modifikasi model Imam al-Ghazali (1058-1111) dalam empat Kemahiran Berfikir Akidah dan bertujuan untuk melihat kesan Kaedah Penyelesaian Masalah dalam meningkatkan Kemahiran Berfikir pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam aspek akidah, stail belajar dan minat pelajar. Fokus utama dalam Kemahiran Berfikir Kritis ialah Kemahiran Membanding Beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan kemahiran membentuk analogi. Manakala stail belajar pula dari Model Profil Pembelajaran Gregore (1979) memberikan tumpuan dalam CS; AS; AR; dan CR. Untuk menentukan keberkesanan kemahiran-kemahiran dalam kaedah pembelajaran ini, data telah dikumpul menggunakan alat kajian berikut:

a) Ujian Kemahiran Berfikir Kritis Aspek Akidah
b) Soal Selidik stail belajar pelajar
c) Soalan temubual berstruktur
d) Soal selidik latar belakang pelajar
e) Jurnal

Kajian ini menghasilkan beberapa rumusan penting seperti berikut:

a. Kemahiran Mengumpul Dan Mengguna Maklumat

Analisis menunjukan bahawa peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran mengumpul dan mengguna maklumat kumpulan pelajar yang diajar dengan Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih tinggi (min = 19.000) daripada kumpulan yang diajar dengan Kaedah Tradisional (min = 2.500). Manakala peningkatan pencapaian kumpulan pelajar pencapaian sederhana (min = 17.000) adalah sama dengan kumpulan pelajar pencapaian tinggi (min = 21.000).

Ini menunjukan bahawa Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian ujian kemahiran mengumpul dan mengguna maklumat aspek akidah sama ada bagi kumpulan pelajar pencapaian sederhana mahupun kumpulan pelajar pencapaian tinggi berbanding dengan Kaedah Tradisional.

b. Kemahiran Membuat Keputusan

Kesan utama kaedah pengajaran adalah tidak signifikan (F = 0.006) dan kesan utama tahap pencapaian juga tidak signifikan (F = 1.925) maka dirumuskan bahawa keberkesanan kaedah pengajaran (Kaedah Penyelesaian Masalah dan kaedah tradisional) ke atas peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membuat keputusan adalah bergantung kepada tahap pencapaian pelajar. Kaedah Penyelesaian Masalah adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian dalam ujian kemahiran membuat keputusan untuk pelajar pencapaian tinggi (min = 10.200) manakala Kaedah Tradisional pula berkesan dalam meningkatkan pencapaian dalam ujian kemahiran membuat keputusan untuk pelajar pencapaian sederhana (min = 3.400).

Oleh itu, keberkesanan kaedah pengajaran (Kaedah Penyelesaian Masalah dan Kaedah Tradisional) ke atas peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membuat keputusan aspek akidah adalah bergantung kepada tahap pencapaian pelajar. Kaedah Penyelesaian Masalah adalah berkesan untuk pelajar pencapaian tinggi manakala Kaedah Tradisional pula berkesan dalam meningkatkan pencapaian dalam ujian kemahiran membuat keputusan untuk pelajar pencapaian sederhana.

c. Kemahiran Membentuk Inferens

Kesan utama kaedah pengajaran adalah signifikan (F = 9.606) dan kesan utama tahap pencapaian tidak signifikan (F = 3.255) maka disimpulkan bahawa peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membentuk inferens kumpulan pelajar yang diajar dengan Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih tinggi (min = 22.000) daripada kumpulan yang diajar dengan Kaedah Tradisional (min = 8.600). Manakala bagi peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membentuk inferens kumpulan pelajar pencapaian sederhana (min = 16.600) adalah sama dengan kumpulan pelajar pencapaian tinggi (min = 27.400).

Ini dapat dirumuskan bahawa Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian ujian kemahiran membentuk inferens aspek akidah sama ada bagi kumpulan pelajar pencapaian sederhana mahupun kumpulan pelajar pencapaian tinggi berbanding dengan Kaedah Tradisional.

d. Kemahiran Membentuk Analogi

Kesan utama kaedah pengajaran adalah signifikan (F = 8.731) dan kesan utama tahap pencapaian juga signifikan (F = 5.270) dan ini menunjukan bahawa

peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membentuk analogi kumpulan pelajar yang diajar dengan Kaedah Penyelesaian Masalah adalah berbeza (min = 14.000) iaitu lebih tinggi daripada kumpulan yang diajar dengan Kaedah Tradisional (min = 1.000) dan peningkatan pencapaian dalam ujian kemahiran membentuk analogi bagi kumpulan pelajar pencapaian tinggi adalah berbeza (min = 20.900) iaitu lebih tinggi daripada kumpulan pelajar pencapaian sederhana (min = 7.100).

Jelas bahawa Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih berkesan dalam meningkat pencapaian ujian kemahiran membentuk analogi aspek akidah berbanding dengan Kaedah Tradisional dan peningkatan pencapaian kumpulan pelajar pencapaian tinggi adalah lebih tinggi atau lebih baik daripada kumpulan pelajar pencapaian sederhana.

e. Stail Belajar Pelajar

Analisis awal menunjukkan kumpulan eksperimen dan kawalan sama-sama mempunyai stail belajar yang berbeza-beza. Dari analisis perbandingan pencapaian pelajar kumpulan eksperimen adalah CS=13.583, AS=13.938, AR=12.357, CR=17.625 lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan CS = -5.143, AS=4.500, AR=5.357, CR=6.778 yang memperlihatkan terdapat penurunan stail belajar CS -5.143 peratus.

Berdasarkan dapatan tersebut dirumuskan bahawa Kaedah Penyelesaian Masalah dapat meningkatkan pencapaian pelajar bagi semua kumpulan pelajar yang mengamalkan stail belajar yang berbeza-beza. Peningkatan markah tersebut adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan pelajar yang diajar dengan Kaedah Tradisional. Ini bermakna Kaedah Penyelesaian Masalah adalah lebih

berkesan dalam meningkatkan pencapaian semua kumpulan pelajar yang mengamalkan stail belajar yang berbeza-beza jika dibandingkan dengan Kaedah Tradisional.

f. Temubual dan Pemerhatian

Hasil temubual dan pemerhatian yang dilakukan terhadap kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan:

Semua kumpulan menyatakan minat yang tinggi terhadap pengajaran akidah dan bersetuju penggunaan bahan bantu mengajar dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk memahami dan meneruskan pembelajaran. Dalam aspek penglibatan pelajar, kumpulan kawalan dapat membuat huraian dan menjelaskan kembali tajuk yang diberi dengan baik tetapi kumpulan eksperimen dapat membuat penghuraian menggunakan empat kategori Kemahiran Berfikir lebih-lebih lagi semasa aktiviti perbincangan dan tugasan. Pelajar Kumpulan Kawalan mampu mengeluarkan pendapat berdasarkan fakta-fakta yang telah dibincangkan sahaja berbanding kumpulan eksperimen mampu mengeluarkan buah fikiran sendiri, Membuat Keputusan secara rasional terhadap suatu isu/peristiwa. Kumpulan kawalan mencadangkan Kaedah Syarahan dijalankan diwaktu pagi sahaja dan lebih banyak aktiviti pengajaran dapat dijalankan. Manakala kumpulan eksperimen pula mencadangkan supaya ditambah lagi aktiviti dan diberi kesempatan lebih luas setiap kumpulan membentang tugasan dan mencadangkan tugasan perlu diberi awal kerana minat yang mendalam untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah.

Berdasarkan kesimpulan di atas adalah dirumuskan bahawa Kaedah Penyelesaian Masalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran berfikir kritis aspek mengumpul dan mengguna maklumat, membentuk inferens dan membentuk analogi berbanding dengan Kaedah Tradisional sama ada bagi kumpulan pelajar pencapaian sederhana mahupun pencapaian tinggi. Walau bagaimanapun Kaedah Penyelesaian Masalah hanya berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam aspek kemahiran membuat keputusan di kalangan pelajar pencapaian tinggi sahaja dan tidak berkesan kepada pelajar pencapaian sederhana. Kaedah Penyelesaian Masalah juga berkesan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pengajaran akidah bagi kedua-dua kumpulan pencapaian sederhana dan tinggi dalam pelbagai stail belajar.

B. PERBINCANGAN

Fokus perbincangan tertumpu kepada kesan dan akibat serta mengaitkannya dengan perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bermula dengan laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (Pendidikan Islam) (1982), kajian oleh Che Pee Saad (1983) mengenai minat pelajar terhadap pengajaran akidah; laporan oleh Jemaah Nazir Sekolah (1992) Persekutuaan berkaitan pengajaran guru Pendidikan Islam (KBSM); dan Kajian Bahagian Pendidikan Islam (1994) berhubung pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Islam menunjukkan terdapat beberapa kelemahan berlanjutan amalan guru dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam termasuk aktiviti kemahiran berfikir. Keseluruhan dapatan kajian mengenai pengajaran Pendidikan Islam KBSM menunjukkan masih belum mencapai tahap cemerlang dan menyokong laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuaan (1992) dan laporan Bahagian Pendidikan

Islam (1994). Pengkaji bersetuju dan sependapat dengan Zawawi Ahmad (1992), Mohd. Alwi Yusuf (1996) dan Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) bahawa paradigma pengajaran akidah di sekolah-sekolah perlu diubah supaya tidak dibelenggu oleh pemikiran yang statik (*mind set*) guru yang dibataskan kepada tujuan menguasai fakta dan untuk lulus peperiksaan semata-mata. Guru Pendidikan Islam tidak seharusnya terikat kepada teknik dan kaedah yang usang, kurang inovatif, tidak kreatif dan hanya berasaskan pengajaran fakta tanpa kaitan dengan kehidupan harian pelajar. Pendidikan akidah di sekolah-sekolah perlu memberi kesan yang positif dan menyeluruh.

Oleh itu, guru tidak harus bersikap bahawa mempelajari aspek akidah merupakan satu perkara mudah dengan membiarkan pelajar-pelajar membaca dan memahami sendiri bahan yang dibaca (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1992). Pada hakikatnya, pelajar-pelajar memerlukan panduan dan bimbingan guru bukan sahaja untuk memahami dan berfikir tetapi juga menghayati isi kandungannya (dapatan kajian). Daya kreativiti guru amat diperlukan dalam pengajaran akidah dan juga pengajaran Pendidikan Islam lainnya. Minat yang mendalam dari guru sendiri akan menolong mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Guru harus membimbing pelajar bagaimana mereka dapat menghayati kandungan akidah dan membuat banding beza, membentuk inferens, membentuk analogi dan membuat keputusan terhadap isi akidah mengikut cara-cara yang betul. Dengan itu, guru-guru Pendidikan Islam perlu melengkapkan diri bukan sahaja dengan pengetahuan mengenai isi kandungan bahkan dapat memiliki strategi yang dapat mengaitkan pengetahuan tersebut dengan pengalaman-pengalaman pelajar. Untuk mencapai matlamat tersebut guru Pendidikan Islam haruslah cekap serta mempunyai kebolehan kemahiran mengajar yang baik dan berkesan. Pelbagai kaedah dan teknik yang menarik perlu diguna untuk menjadikan pengajaran Pendidikan Islam lebih menarik dan berkesan ke arah membina penghayatan Islam.

Dalam usaha melahirkan generasi yang seimbang dan harmonis di abad ke 21 bidang kognitif (intelek), afektif (emosi) dan psikomotor (amalan) merupakan bidang yang perlu diberi penekanan yang seimbang di dalam pendidikan.

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab I: 2 bahawa bidang kognitif yang perlu diberi penekanan utama ialah aspek yang melibatkan pengembangan minda pelajar iaitu kemahiran berfikir secara logik, kritis, kreatif dan bersistematik. Untuk menghayati ilmu bersepadu pelajar tidak hanya menggunakan akal fikiran. Ilmu tersebut mesti sampai kepada domain afektif iaitu penghayatan nilai rohani (Al-Nahlawi, 1983; Al-Ghazali, tta; Krathwohl, 1974). Akal berperanan untuk membina kemahiran berfikir manakala nilai pula berperanan untuk menimbulkan keinsafan dan kesedaran, menghidupkan semangat dan pengorbanan dan menikmati ketenangan jiwa serta menerima hidayah daripada Pencipta (Al-Ghazali, ttj; Ghanim, 1994; Hassan Langgulung, 1998) Pembelajaran afektif pula pada umumnya melibatkan proses kognitif seseorang pelajar. Kelemahan pelajar dalam salah satu domain ini turut menjejas dan mempengaruhi kebolehan dan pencapaian pelajar berkenaan sama ada dalam bidang akademik mahupun dalam bidang afektif seperti penghayatan nilai rohani.

Penggunaan pemikiran kritis dalam pendidikan akidah untuk mencari kebenaran adalah sangat digalakkan. Al-Quran sering mengarah dan mendorong manusia supaya berfikir dan menganalisis alam yang nyata ini agar akidah Islam tertanam kukuh (lihat Al-Quran 3: 190-191). Fenomena alam yang disingkapkan Al-Quran adalah alam diri manusia dan alam semesta iaitu kejadian langit, bumi, alam tumbuh-tumbuhan, alam binatang dan sebagainya. Al-Quran mengulang-ulangi sebutan fenomena diri manusia dan alam dengan gaya bahasa yang berlainan dan cara yang berbagai-bagai agar ianya benar-benar berkesan kepada hati dan jiwa manusia (lihat Al-Quran 39: 21; 95: 4).

Sehubungan dengan itu, Al-Ghazali (***Ihya,*** tta: 145-150) menerangkan bahawa dalam konteks penghayatan ilmu syariah dan ilmu aqliah individu yang dididik dengan strategi taqlid semata-mata akan menjadi individu yang bebal. Malah beliau menegaskan bahawa manusia hanya dapat menghampiri Allah s.w.t. melalui kekuatan ilmu yang dibentuk secara bermakna. Dengan penerokaan tersebut akan mendalamlah kesedaran manusia terhadap kemuliaan, kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t.

Daripada keputusan yang diperolehi kajian ini, menunjukkan secara keseluruhannya empat Kemahiran Penyelesaian Masalah merupakan penyumbang utama dalam meningkatkan pemikiran kritis pelajar (rujuk dapatan kajian dan jurnal). Pelajar yang boleh mengeluarkan buah fikiran yang bernas, boleh berhujah, dapat membuat banding beza, membuat keputusan, membentuk inferens dan mencipta analogi adalah mereka yang telah dapat menguasai bidang ilmu dan maklumat (Philips, 1997; Jauharah Hj. Tak, 1995; Gordon, 1979; al-Ghazali, ttj):

a. Kemahiran membanding beza perlu untuk pelajar mengenal yang benar dengan yang salah; yang bahagia dengan yang derita ; yang berjaya dengan yang gagal; yang baik dengan yang buruk antara yang diredai dengan yang dimurkai (Al-Ghazali, ttc; al-Nasyar, 1947). Untuk membimbing kemahiran ini dengan baik, tidak mencukupi jika guru hanya meminta para pelajar menyenaraikan persamaan dan perbezaan di antara dua benda sahaja. Guru perlu bantu pelajar memupuk kemahiran ini dengan membimbing mereka secara eksplisit jenis-jenis soalan yang akan membolehkan mereka

menyenaraikan jenis persamaan dan perbezaan bagi memilih perkara yang releven untuk tujuan-tujuan tertentu dan mendedahkan implikasi-implikasi tentang persamaan dan perbezaan yang mereka temui. Matlamat akhir pengajaran ini ialah para pelajar menghayati soalan-soalan, dengan itu dapat membimbing diri mereka dalam berfikir secara berkesan semasa proses membanding dan membeza.

b. Membuat keputusan memerlukan bentuk pemikiran yang terbuka, rasional dan tidak terburu-buru ia merupakan suatu proses mental di mana seseorang itu bertindak memilih satu pilihan terbaik daripada beberapa pilihan yang ada berdasarkan tujuan dan kriteria-kriteria tertentu (Al-Ghazali, tti; Zaharah Husein, 1995; Radziah Abdul Samad, 1996; Beyer, 1984). Masalah-masalah berhubung dengan membuat keputusan menunjukkan empat kesilapan biasa dalam berfikir.

i. Membuat keputusan dengan tergesa-gesa tanpa banyak memikirkan tentang akibat.

ii. Bertindak berdasarkan kepada maklumat yang sempit/terhad.

iii. Pemikiran mengenai keputusan adalah terputus-putus dan tidak teratur.

iv. Kurang keterangan tentang aspek-aspek penting berhubung dengan keputusan menyebabkan terlepas pandang terhadap segala pertimbangan penting menjadikan keputusan yang dibuat adalah kabur.

Jika kita dapat mengingati ketika di mana kita telah membuat beberapa keputusan yang dikatakan kurang baik. Kesilapan-kesilapan ini bukan sahaja boleh menjejaskan membuat keputusan tetapi juga semua pemikiran yang di buat. Kesedaran tentang kesilapan-kesilapan yang dilakukan boleh menggalakan kita membina tabiat membuat keputusan yang baik.

Sesuai dengan hujah dan huraian Ainon dan Abdullah (1996), ada tiga perkara lain yang perlu diberi perhatian oleh pembuat-pembuat keputusan sebelum membuat keputusan iaitu hendaklah mempertimbangkan rangkaian akibat-akibat pilihan, kemungkinan-kemungkinannya dan sejauh manakah signifikannya. Mempertimbangkan rangkaian akibat-akibat akan menghindar kesempitan dalam pemikiran. Adalah penting mencatat akibat-akibat jangka pendek dan jangka panjang untuk kita dan juga orang lain yang mungkin terlibat dengan tindakan itu.

c. Untuk menguasai kemahiran membentuk inferens dengan baik, pelajar perlu berkemahiran untuk menganggarkan rumusan atau membentuk inferens daripada apa yang dibaca atau yang diajar terutamanya bagi maklumat yang dinyatakan secara ringkas atau maklumat berlawanan. Kefahaman ayat-ayat Allah secara mendalam adalah memerlukan kemahiran pelajar untuk membuat inferens (setelah menguasai ilmu) (Ennis, 1985; Al-Ghazali, tte; Zaharah Hussin, 1995).

Masalah biasa mengenai inferens ialah manusia kerap tidak meluangkan masa untuk berfikir mengenai apa yang mungkin akan berlaku pada masa hadapan iaitu:

i. Tidak membangkitkan soalan-soalan berhubung dengan apa yang mungkin berlaku ekoran dari keadaan yang tertentu.

ii. Tidak memikirkan setepat mana kesimpulan-kesimpulan itu.

iii. Tidak mengambil kira semua bukti yang releven dalam menentukan setepat mana ramalan-ramalan itu.

Manusia mungkin mewujudkan jangkaan-jangkaan yang tidak realistik dan membenarkan harapan atau kebimbangan yang membawa dugaan peluang, ganjaran atau kesukaran-kesukaran yang tidak mempunyai sebab yang baik untuk menjangkanya. Kejadian-kejadian yang disimpulkan boleh jadi mungkin atau tidak mungkin berlaku (Muhamed Awang, 1999: 242). Manusia kadang-kadang membuat kesilapan dan percaya bahawa kejadian-kejadian yang mungkin adalah merupakan kemungkinan akan berlaku, tanpa sebarang asas sebenar untuk berbuat demikian. Apa yang patut difikirkan ialah tentang untuk mencari sebab-sebab yang baik bagi mempercayai bahawa sesuatu kejadian adalah berkemungkinan akan terjadi.

Mengambil rasiko membuat kesimpulan yang tergesa-gesa, tidak lebih dari tekaan-tekaan berhubung dengan apa yang akan berlaku. Terdapat masalah-masalah lain yang susah hendak dikesan dengan cara membuat inferens (Ismail Jusuh, 1997: 7). Kadang-kadang diberi perhatian kepada sebab-sebab kerana memikirkan sesuatu yang akan berlaku, tetapi tidak memberi perhatian kepada maklumat lain yang signifikan dan boleh mengubah

kesimpulan-kesimpulan tersebut. Adalah penting untuk mempastikan bahawa inferens itu tepat. Kemahiran membuat inferens melibatkan berfikir secara teliti mengenai apa yang dijangka dan setepat mana ia boleh berlaku.

d. Kemahiran analogi digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah akidah yang mempunyai cara penyelesaian serupa dengan masalah akidah yang telah dipelajari dahulu (Zurkani Jahja, 1996: 184). Semasa menyelesaikan masalah akidah yang baru, pengetahuan dan pengalaman sedia ada dalam menyelesaikan masalah yang lama (yang serupa) dimanafaatkan sepenuhnya. Jika masalah baru adalah setara dengan masalah lama, prosedur penyelesaian masalah lama boleh digunakan terus untuk menyelesaikan masalah baru. Akan tetapi jika masalah baru hanya serupa dengan masalah lama dalam beberapa bahagian sahaja, prosedur penyelesaian masalah perlu diubahsuaikan (Al-Ghazali, ***Ihya;*** jld. 1: 182-183; Krutetsii, 1990; California State of Department, 1988).

Membuat analogi secara peribadi merupakan penglibatan yang bersungguh-sungguh terhadap masalah hingga bersedia menjalankan main peranan untuk benar-benar terlibat dengan masalah itu. Penyelesai masalah seperti ini tidak akan berpuas hati dengan sekadar menjadi pemerhati dan memahami masalah itu dari luar sahaja untuk bertindak bagi menyelesaikannya. Dengan mencuba berada dalam situasi masalah dan membiarkan diri memahami dan merasakan keunikan manusia dan alam sekeliling, kita akan menyedari satu-satu masalah itu merupakan sebahagian daripada masalah sejagat dan bukan masalah terpencil dan tersendiri seperti yang mula-mula difikirkan.

Keberkesan Kaedah Penyelesaian Masalah yang lebih tinggi berbanding dengan Kaedah Tradisional dalam pencapaian langsung terhadap akidah menunjukkan bahawa penglibatan aktif pelajar dalam memahami, menganalisa dan mengenalpasti strategi menjadikan mereka lebih baik dan cekap dalam mata pelajaran tersebut berbanding dengan pelajar yang diberi pendedahan mengikut cara tradisional. Oleh itu, dapatan kajian ini menyokong Radziah Abdul Samad (1996) dan Jauhara Hj. Tak (1995) dalam penyelesaian masalah pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan banyak pengalaman dalam memerhati, mengumpul data secara sistematik, meramalkan keputusan, membuat banding beza, membentuk analogi seterusnya menguji keputusan (menyemak semula). Semua aktiviti ini melibatkan pencarian aktif dan pemikiran berkesan. Pencarian aktif pelajar-pelajar akan membantu dalam proses pembelajaran.

Namun begitu, dapatan kajian ini tidak menafikan peranan Kaedah Tradisional yang memerlukan beberapa pengubahsuaian dalam pendekatan pengajaran guru disebabkan pandangan negatif pelajar kerana Kaedah Tradisional itu disampaikan dengan cara menjemukan dan berceramah secara berterusan serta mengambil masa yang lama tanpa menghirau kesediaan responden. Akibat daripada tradisi tersebut, lahirlah sesuatu rumusan yang mengatakan kaedah ini adalah satu kaedah yang tidak baik serta kurang berkesan dalam proses pengkajian (dapatan kajian temubual - rujuk Bab IV: 195).

Jika dikaji secara terperinci, Kaedah Syarahan juga banyak manfaat. Penulis bersetuju dengan Che Pee Saad (1983) syarahan yang disampaikan dengan perancangan yang rapi dan kemas boleh menarik minat dan perhatian

pelajar-pelajar. Dalam kaedah tersebut, guru boleh menggunakan alat-alat bantu mengajar seperti filem, video, gambar-gambar, carta dan lain-lain untuk mengurangkan kebosanan dan meningkatkan konsentrasi. Di samping dapat mengemukakan berbagai-bagai fakta dalam masa yang singkat menerusi kaedah syarahan ini, juga di ambil kira bahawa fakta-fakta yang banyak itu hanya disampaikan mengikut kadar kemampuan pelajar menerimanya. Adalah kurang berfaedah jika terlalu banyak isi yang disampaikan (dalam masa yang yang singkat), sedangkan pelajar tidak dapat menyerap sesuatu yang diberikan.

Dengan ini, secara jelas menunjukkan perancangan yang rapi adalah penting untuk menghasilkan syarahan yang baik. Perancangan yang dimaksudkan ialah mengenai susunan isi-isi syarahan yang disampaikan. Jika guru melompat dari satu isi ke satu isi yang lain yang tidak ada kaitan maka ini akan menyulitkan para pelajar mengikuti dan memahami syarahannya. Syarahan yang disusun secara teratur memudahkan kebanyakan pelajar dalam memahaminya dan mengambil nota walaupun mereka terdiri daripada golongan yang sederhana kebolehannya. Susunan yang kemas juga bererti sebarang alat bantuan yang digunakan dalam kuliah itu diaplikasikan pada tempat dan masa yang sesuai dan tepat. Jika guru menunjukkan carta maka carta itu mestilah berkaitan dengan huraian atau ulasan yang sedang disampaikan.

Dengan menguasai kemahiran berfikir, pelajar mampu menangani isu-isu semasa dan masalah-masalah baru dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu Perubahan corak Pendidikan Islam ke arah melahirkan para pelajar yang lebih berfikiran kritis dan kreatif adalah perlu bagi mengeluarkan

para pelajar yang dapat menyelesaikan masalah hidup dengan tindakan yang lebih positif (Abu Sulayman, 1991; Hussein, 1980).

Ketika pelajar bersemangat menghadapi berbagai-bagai budaya belajar di sekolah, suatu perkara yang tidak dapat dielakkan adalah stail belajar pelajar itu sendiri untuk memudahkan guru merancang program pengajaran yang berkesan. Teori-teori belajar secara umumnya banyak meletakkan pelajar sentiasa berinteraksi sesama sendiri secara harmoni dan bersaing bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Senario yang ada kini dalam strategi pengajaran pembelajaran menunjukkan bahawa pengajaran menjadi lebih berkesan sekiranya tumpuan perhatian diberikan kepada teknik-teknk belajar dalam situasi pembelajaran (Keefe, 1987). Dengan kata lain kurikulum yang bertumpuan pelajar adalah kurikulum yang bercorak lebih baharu jika dibandingkan dengan kurikulum yang bertumpuan aktiviti pengajaran oleh guru sahaja. Sehubungan itu Wan Zahid Mohd. Noordin (1993) mengesyorkan agar para guru dan ibu bapa memahami gaya pembelajaran pelajar dan menganggap perbezaan yang ada pada diri seseorang pelajar itu merupakan satu keistimewaan itu dan mereka dapat menggunakan keistimewaan itu secara berkesan dalam pembelajaran mereka. Satu perancangan yang teliti dan sistematis amat diperlukan memandangkan gaya belajar individu merupakan satu aspek yang begitu penting dalam pendidikan masa kini dan akan datang.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa maklumat tentang cara belajar seseorang pelajar menolong pelajar mengenal pasti kebolehan mereka sendiri dan ini menambah motivasi mereka untuk terus belajar. Bagi pihak guru pula, maklumat cara belajar pelajar boleh digunakan untuk meningkatkan potensi pelajar atau mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar yang lemah.

Guru perlu mengetahui cara belajar setiap pelajarnya untuk meningkatkan motivasi dirinya dalam pengajaran dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Dengan kata lain pencapaian akademik dan sikap pelajar meningkat apabila guru menyesuaikan kaedah pengajaran, sumber-sumber dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan cara belajar pelajar yang berbeza-beza (dapatan kajian). Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menyokong teori belajar Grasha & Riechmann (1974), Dunn et.all. (1989), Steele (1976), Kolb (1976), Gegorc (1979), dan Mc Care (1989).

Dari dapatan temubual dan pemerhatian kajian ini juga menunjukkan Kaedah Penyelesaian Masalah berkesan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pengajaran akidah bagi kedua-dua kumpulan pencapaian sederhana dan tinggi dan keberkesanan Kaedah Penyelesaian Masalah bergantung kepada penglibatan pelajar yang aktif semasa pengajaran dan aktiviti perbincangan terbuka. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Saedah Siraj (1992) dan Zaharah Hussein (1995) yang menyarankan supaya guru memainkan peranan penting bagi mewujudkan suasana yang dapat menggalakkan pelajar bertindak balas dan sedia memberi idea, menceritakan pengalaman, meluahkan perasaan atau memberi pendapat dan kritikan. Teknik penyoalan guru yang baik pula dapat menggalakkan pelajar-pelajar menyertai perbincangan, sumbang saran, inkuiri dan sinektik.

Apa yang lebih dipentingkan dalam kaedah ini bukanlah persembahan pelajar dalam sebarang aktiviti tetapi "proses" yang berlaku dalam pemikiran mereka semasa aktiviti dijalankan. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab guru menentukan sejauh manakah keberkesanan proses yang dilalui oleh pelajar terhadap kefahaman dan penghayatan mereka kepada isi pelajaran. Pentingnya proses ini dalam kehidupan pelajar seperti yang dijelaskan oleh Al-Ghazali (***Ihya***: 56-59) bahawa apabila seseorang muslim ingin mengubah akhlaknya supaya menjadi baik, ia harus mengubah berbagai cara pemikirannya tentang dirinya, kemudian cuba melatih

akhlaknya yang baik sedikit demi sedikit secara berperingkat sehingga menjadi suatu kebiasaan. Al-Ghazali menegaskan lagi bahawa interaksi antara bahagian kognitif, mental dan perilaku amalan luaran merupakan perkara yang pasti. Seseorang tidak akan melakukan sesuatu (walaupun dalam keadaan terpaksa), semuanya memberi kesan pada fikiran dan perasaannya. Apa-apa perubahan yang terjadi dalam fikiran dan pandangannya, terjadi juga perubahan-perubahan dalam perlakuannya yang zahir.

Bagi pengkaji, dapatan kajian ini sedikit sebanyak berguna dalam membuat justifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Berfikir Kritis dalam penyelesaian masalah di sekolah serta menggunakannya untuk tindakan dan kajian selanjutnya. Dua bahagian kecil yang berkaitan hasil kajian dibincangkan secara berasingan seperti berikut:

a. Sumbangan Kajian Kepada Instrumentasi

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berfokuskan Kemahiran Penyelesaian Masalah adalah memerlukan bentuk penilaian yang sejajar dengan perkembangan pemikiran kritis. Walaupun bentuk soalan yang diamalkan oleh guru-guru sekarang telah terbukti keberkesanannya bagi menilai kebolehan pelajar secara keseluruhan dan membandingkan kebolehan seseorang pelajar dengan pelajar lain tetapi ia tidak dapat mengesan kekuatan atau kelemahan pelajar secara terperinci bagi setiap peringkat proses penyelesaian.

Ini disebabkan dewasa ini aktiviti pengajaran yang dijalankan di bilik darjah adalah mengajar kemahiran kognitif iaitu kemahiran operasi *micro thinking* yang diperkenalkan oleh Bloom (1956) yang mengandungi aras pengetahuan, fahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Bagaimana pun taksonomi ini tidak memasukkan operasi pemikiran yang lebih kompleks dan luas iaitu operasi penyelesaian masalah, pengkonseptualan dan membuat keputusan atau operasi pemikiran reflektif.

Operasi mikro yang diterangkan oleh Bloom (1956: 18) perlu digunakan dalam sekuen yang berlainan bagi setiap jenis proses kompleks tersebut. Namun demikian sehingga kini, sekuen bagi proses yang spesifik ini belum lagi dimantapkan. Dengan kata lain ahli pendidik masih berpendapat bahawa kesan berfikir daripada aktiviti pengajaran kini hanya diperolehi secara tidak langsung apabila pelajar melakukan aktiviti pembelajaran yang ada dijalankan kini.

Amalan penilaian yang seharusnya dilaksanakan ialah amalan yang berfokuskan kepada kemahiran berfikir pelajar dalam penyelesaian masalah. Alat ukur penilaian yang digunakan mestilah mampu menilai keupayaan pelajar dalam proses penyelesaian masalah kerana ia dapat membantu guru menilai keupayaan pelajar secara lebih tepat. Di samping itu ia dapat mengesan kesukaran-kesukaran dan halangan-halangan yang dihadapi pelajar semasa menyelesaikan masalah. Hasil penilaian ini akan membolehkan guru melaksanakan program pemulihan dan pengayaan bagi meningkatkan lagi keupayaan pelajar dalam proses penyelesaian masalah akidah khasnya dan Pendidikan Islam amnya secara efisyen dan efektif.

Dari segi instrumentasi, hasil kajian ini dapat menyumbang instrumen yang berupaya mengukur dan menilai keupayaan pelajar pada setiap peringkat proses penyelesaian masalah. Instrumen ini ialah empat kategori kemahiran berfikir yang telah diubahsuai mengikut pengajaran Pendidikan Islam oleh Zaharah Hussin (1995) dari Model Ennis (1985), California State Board of Education (1998) dan Beyer (1988) yang berasaskan proses penyelesaian masalah yang digunakan oleh al Ghazali (tth). Penggunaan instrumen ini akan membolehkan guru mengenalpasti halangan atau kekuatan pelajar pada peringkat memahami masalah, merancang strategi penyelesaian, melaksanakan strategi penyelesaian dan keupayaan menulis jawapan dengan tepat.

Instrumen ini boleh digunakan secara bersepadu atau berasingan mengikut keperluan dan objektif pelan tindakan yang bakal dikaji ke atas pelajar atau guru-guru yang mengikuti kursus lanjutan dalan perkhidmatan bagi jangka masa pendek atau panjang. Adalah ditegaskan bahawa instrumen ini bukan sahaja sesuai digunakan ke atas pelajar-pelajar sekolah malahan ia sesuai dan bertepatan digunakan ke atas guru pelatih atau guru terlatih ataupun dalam keadaan kajian yang memerlukan perbandingan antara dua kumpulan pelajar bagi kerja-kerja penyelidikan yang melibatkan kemahiran berfikir pelajar atau guru terlatih.

Dari segi kesahan sama ada kriteria atau konstruk dan kebolehpercayaan, instrumen kajian ini lebih releven dan boleh dipercayai kerana proses menentukan indeks kebolehpercayaannya telah dijalankan dua kali kajian rintis sebagai proses pemurnian instrumen. Instrumen ini telah pun digunakan buat kali kedua dalam kajian sebenar.

Sebagai kesimpulan instrumen ini sesuai dijadikan kayu pengukur dalam melatih pelajar atau bakal guru atau menaikkan taraf guru terlatih dalam meningkatkan proses kemahiran Berfikir Kritis sama ada oleh pihak sekolah, maktab, Jabatan Pendidikan, Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum atau Jabatan Pembangunan Pendidikan Islam (JAPIM) di samping menggalakkan mereka bertindak sebagai penyelidik. Dengan kehadiran instrumen ini akan menambahkan lagi alat ukur dalam Pengajaran Pendidikan Islam untuk menentukan arah tuju kepada satu penyelesaian masalah yang berkaitan dengan pendidikan keguruan masa kini.

b. Sumbangan Kajian Kepada Dasar Pendidikan Bersepadu

Dalam kajian ini, prinsip merujuk Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber mutlak dalam proses penyelesaian masalah dan tidak hanya berdasarkan akal fikiran semata-mata sebagaimana yang diamalkan dalam falsafah barat. Rujukan Al-Quran dan al-Sunnah merupakan satu asas yang mampu memenuhi keperluan pendidikan dalam menyelesaikan masalah manusia.

Manusia tidak perlu lagi meraba-raba dalam mencari kebenaran sehingga terpaksa membuang banyak masa dan tenaga kerana semua kebenaran itu terdapat dalam sumber wahyu tersebut (lihat Al-Quran 2: 2). Apa yang perlu dilakukan ialah bagaimana mempelajari ilmu yang terkandung dalam sumber wahyu dan al-Sunnah. Kebenaran yang mutlak datangnya dari Allah yang Maha Mengetahui Segala Keperluan, Kekuatan dan Kelemahan Manusia. Ini bererti manusia hanya perlu merujuk dan mencari petunjuk kebenaran dariNya dan seterusnya berusaha menghayatinya dengan

bersungguh-sungguh. Dengan mengkaji Al-Quran dan al-Sunnah segala masalah dan kerumitan yang timbul di kalangan manusia akan dapat diselesaikan lebih-lebih lagi apabila masalah tersebut tidak dapat diselesaikan oleh akal manusia yang amat terbatas sifatnya.

Implikasi dari prinsip ini dalam pendidikan ialah pembentukan pendidikan bersepadu iaitu yang bersumber dan berpaksikan kepada Al-Quran dan al-Sunnah di samping adanya gabungjalin dengan disiplin-disiplin ilmu akal dan *naqli* ke arah membina ummah dengan berteraskan akidah. Pendidikan bersepadu menolak dualisma dan sekularisma dalam bidang ilmu dan pendidikan (Tajul Ariffin Nordin, 1993). Prinsip pendidikan ini tidak sekali-kali menolak dan menafikan kepentingan ilmu dapatan atau ilmu akal asalkan tidak bertentangan dengan akidah Islam. Kesepaduan bermaksud kesepaduan antara ilmu akal yang diperolehi melalui proses saintifik dan empirikal. Ilmu akal merangkumi proses-proses pemikiran yang berasaskan logik dan rasional, seterusnya disepadukan dengan ilmu wahyu. Dalam konteks Islam ilmu wahyu ialah Al-Quran dan Sunnah. Implikasi daripada kesepaduan ini ialah:

i. Ilmu akal mempunyai batasan dari segi ketepatan dan kebenarannya. Oleh itu ilmu akal perlulah diasaskan kepada ilmu wahyu.

ii. Ilmu wahyu bukan hanya persoalan ibadah sahaja. Oleh itu Al-Quran dan Sunnah perlulah dijadikan asas pemikiran dan sumber ilmu yang asasi.

Dengan kata lain pendidikan bersepadu adalah berdasarkan falsafah kesepaduan antara iman dan ilmu, roh dan jasad, dunia dan din, fikiran dan hati serta akal dan wahyu dalam memenuhi tiga unsur utama pengisian roh, akal dan jasmani (Tajul Ariffin Nordin, 1993; Ahmad Mohammad Said, 1998).

Pendidikan bersepadu berfungsi untuk mengembangkan daya keintektualan yang berasaskan kepada akidah. Pemikiran yang diasaskan kepada kesepaduan dan kesatuan ilmu akan memudahkan memahami hakikat manusia, hakikat alam dan hakikat Tuhan Yang Maha Esa. Ilmu hendaklah dibina dan dikembangkan secara bersepadu dari segi falsafah Ilmu dan proses Ilmu menerusi pemikiran yang sihat, bersih dan beradab. Dengan kata lain sebelum pelajar-pelajar didedahkan dengan satu-satu bidang atau disiplin secara proses maka terlebih dahulu mestilah dijelaskan falsafah untuk bidang-bidang dan disiplin tersebut dari segi metafizik, logik, epistemologi dan aksiologi. Dengan kaedah ini proses pemikiran tidak lagi diasaskan semata-mata kepada logik, rasional dan empirikal. Sebaliknya pemikiran dikembangkan di atas landasan realiti nilai dan agama di mana ilmu yang terhasil akan dapat dipertanggungjawabkan atas kebenaran dan dimanafaatkan untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Implikasi dapatan kajian ini mendedahkan satu revolusi kepada Kementerian Pendidikan dalam aspek Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi menjayakan matlamat Falsafah Pendidikan Negara maka faktor-faktor yang diguna dalam matlamat pendidikan sekarang hendaklah difikir semula dan diubah seperti yang dijelaskan dalam Bab 1: 6. Faktor-faktor yang ada iaitu intelek, psikomotor dan afektif hendaklah dikembangkan secara harmonis dan bersepadu ke arah pembinaan akhlak yang mulia. Dengan itu dapatlah potensi dan sumber-sumber manusia dikembangkan ke arah mkesejahteraan hidup manusia sejagat. Proses berfikir hendaklah diasaskan kepada akhlak iaitu akhlak diri yang asaskan kepada wahyu di mana

sebelum proses pemikiran dikembangkan di kalangan pelajar terlebih dahulu hendaklah pelajar diberikan asas-asas ilmu wahyu iaitu asas-asas agama dan fardu ain yang mantap yang akan meyuburkan perkembangan rohani seterusnya potensi intelek, emosi dan jasmani dan juga akhlak diri dalam perkembangan ilmu menerusi proses pemikiran yang sihat, bersih dan beradab. Ini disebabkan konsep kesepaduan dan kesatuan ilmu menekankan dua faktor penting iaitu epistemologi dan metafizik dalam falsafah ilmu. Epistemologi menekankan bahawa ilmu yang diperolehi melalui pemikiran sebenarnya diajar oleh Tuhan, manakala metafizik mengawal pemikiran supaya sentiasa mengingatiNya. Dengan ini seorang pemikir itu akan sentiasa bersyukur dan mengagumi Tuhan setiap kali ia memahami sesuatu melalui proses berfikir.

C. CADANGAN-CADANGAN

i. Cadangan Umum

a. Pihak Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan hendaklah menghasilkan pelbagai cara penilaian, pentaksiran kendiri dan *standards* berkaitan Pendidikan Islam merentasi penilaian kognitif semata-mata kerana ini akan membuka minda pelajar dan tidak terhad kepada penilaian fakta semata-mata.

b. Bahagian Pendidikan Guru dapat mempertingkatkan *input* teoritikal dan praktikal tentang kreativiti, kemahiran berfikir aras tinggi dan Kemahiran Penyelesaian Masalah dalam kurikulum latihan perguruan seperti memberi tugasan untuk melatih bakal guru mengesan masalah pembelajaran secara tepat melalui kajian di sekolah dan mencadangkan strategi yang paling berkesan untuk mengatasi masalah itu.

c. Bahagian Pendidikan Guru juga hendaklah memperkemaskan program latihan mengajar yang menitikberatkan *Pengajaran Melalui Pengalaman* di mana setiap guru pelatih dilengkapkan dengan proses *hands on* bukan hanya pengajaran berbentuk mekanis atau sekadar meniru.

d. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pembangunan Pendidikan Islam (JAPIM) hendaklah mempelbagaikan penggunaan Bahan Bantu Mengajar khususnya pembaharuan penggunaan teknologi informasi (ICT) supaya guru-guru lebih bersedia dengan reformasi pendidikan dengan membiasakan diri menggunakan komputer untuk menyesuaikan peranan guru sebagai fasilitator. Bahan Bantu Mengajar tersebut diharapkan membantu mempercepatkan daya komunikatif yang dapat merangsang pelajar untuk belajar dan guru untuk mengajar.

e. Pendekatan sains empirikal adalah sebahagian daripada tradisi keilmuan Islam. Dari itu sains empirikal yang berpaksikan ketuhanan patut diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar para pelajar mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

f. Sistem Pendidikan Islam hendaklah menjadi teras kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan sistem pendidikan yang bersepadu berasaskan integrasi ilmu, akal dan wahyu ke arah menghapuskan dikotomi dan dualisma dalam pendidikan.

g. Pelajar mempunyai cara belajar yang berbeza-beza. Oleh itu guru perlu mengetahui cara belajar setiap pelajarnya untuk meningkatkan motivasi dirinya dalam pengajaran dan motivasi pelajar dalam pembelajaran.

ii. Cadangan Kajian Lanjutan

Penyelidikan berbentuk eksperimen ini hanya menekankan beberapa aspek tertentu dalam pengajaran Akidah. Sudah tentu penyelidikan ini terdapat beberapa kekurangan. Oleh itu dikemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan pertimbangan dalam penyelidikan selanjutnya seperti berikut:

a. Memandangkan kepada penyelidikan ini dijalankan selama tujuh minggu dengan 9 jam pengajaran tentunya kurang mencukupi untuk melihat kesan pengajaran dan pembelajaran kaedah Penyelesaian Masalah dalam kemahiran berfikir akidah. Oleh itu pengkaji mencadangkan agar penyelidikan yang serupa dijalankan dalam tempoh masa yang lebih lama agar dapat menghasilkan dapatan yang lebih tinggi kebolehpercayaannya.

b. Sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan IV di sebuah sekolah di Kuala Lumpur (pencapaian tertinggi) dan sebuah di Selangor pencapaian sederhana. Sampel ini tidak dapat mewakili semua pelajar tingkatan IV dari pencapaian tinggi dan sederhana seluruh negara. Kajian yang serupa boleh dijalankan terhadap pelajar-pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan V yang merangkumi penempatan sekolah bandar dan luar bandar serta taraf sosio-ekonomi.

c. Bilangan sampel dalam kajian ini adalah seramai 80 orang. Bilangan ini adalah satu bilangan yang kecil. Kajian akan menjadi lebih bermakna jika kajian lanjut meluaskan jumlah sampel. Dengan bilangan sampel yang lebih besar, dapatan yang diperolehi akan dapat memberi gambaran yang lebih luas.

d. Percubaan yang telah dijalankan adalah untuk melihat kesan Kaedah Penyelesaian Masalah terhadap Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam aspek Akidah. Kajian lanjut boleh dijalankan untuk melihat kesan kaedah terhadap perubahan sikap, amalan dan penghayatan nilai-nilai akhlak di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

e. Kajian ini dilaksanakan di peringkat sekolah menengah sahaja. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian lanjutan dilaksanakan terhadap bakal guru Pendidikan Islam di maktab perguruan atau di universiti bagi meninjau status keupayaan penyelesaian masalah serta keupayaan mengaplikasikan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam penyelesaian masalah aspek akidah di kalangan guru-guru pelatih.

f. Pelajar mempunyai cara belajar yang tersendiri. Oleh itu, kajian lanjut tentang hubungan pencapaian akademik dan cara belajar pelajar perlu diperkembangkan.

g. Aspek-aspek lain yang perlu dibuat kajian ialah Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis terhadap isi kandungan buku-buku teks Pendidikan Islam KBSM. Kajian cadangan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana huraian isi kandungan buku teks Pendidikan Islam mengandungi ransangan-ransangan untuk pelajar menggunakan daya fikir kritis mereka dalam menyelesaikan masalah kehidupan di dunia ini.